



KEMENTERIAN KERJA RAYA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KKR TINJAU PROJEK INFRASTRUKTUR DI TANGKAK, PASTIKAN MANFAAT KEPADA RAKYAT TERUS DIPERKASA**

**TANGKAK, JOHOR** – Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Ahmad Maslan, telah turun padang bersama pegawai Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Tangkak bagi meninjau pelaksanaan projek pembangunan serta menilai penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

2. Lawatan ini selaras komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan jalan, jambatan, bangunan awam dan fasiliti pendidikan dilaksanakan dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat.

3. JKR Daerah Tangkak memaklumkan penyelenggaraan meliputi Jalan Persekutuan sepanjang 99.5 km dan Jalan Negeri 198.5 km merangkumi kerja rutin, berkala, turapan dan bukan turapan, saliran, pemetung serta cerun.

4. Sehingga Jun 2026, sebanyak RM6.4 juta diperuntukkan bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan termasuk pembaikan jalan, sistem perparitan serta penambahbaikan perabot jalan dan papan tanda.

5. Dalam masa yang sama, dua Projek Jalan Persekutuan bernilai RM157 juta dan satu Projek Jalan Negeri bernilai RM10.5 juta sedang dilaksanakan.

6. Seiring dengan itu, sebanyak RM80 juta dibawah peruntukkan Kerajaan Persekutuan bagi satu Projek Pembinaan Jajaran Jalan Baru dan satu Projek Naik Taraf Jalan dan Jambatan dibawah peruntukkan Negeri bernilai 10 juta dalam tindakan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).

7. Sebanyak dua Projek Bangunan dibawah peruntukan Kerajaan Persekutuan bernilai RM1.7 juta turut dilaksanakan melibatkan Pembinaan Baru Tabika Orang Asli dan Projek Pembinaan Bilik Darjah Tambahan Sekolah.

8. JKR turut merancang Projek Naik Taraf Jalan dari Segamat – Tangkak (Pakej 44 – Missing Link) bagi mengurangkan kesesakan trafik ke jalan utama bandar Tangkak. Projek Naik Taraf Jambatan Jalan Johor Bahru-Melaka juga dirancang bagi memperkukuhkan aspek keselamatan dan meningkatkan keselesaan pengguna jalan raya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X d KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

9. KKR kekal komited memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual, mematuhi piawaian keselamatan dan kualiti, serta memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi setempat.

#TAMAT#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**19 JUN 2026**

#KKR  
#KearahKesejahteraanRakyat  
#KerajaanMADANI  
#MADANIBekerja  
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni